

**PELEPASAN SEGERA**

## **KENYATAAN MEDIA**

### **Offspring, anak syarikat SEDANIA, jalin kerjasama dengan Foodpanda untuk penghantaran secepat 30 minit**

#### **Sorotan Utama:**

- Penambahan platform e-dagang terkini meluaskan saluran jualan Offspring, memanfaatkan jangkauan Foodpanda yang melebihi 20 juta orang di Malaysia
- Penghantaran serta-merta memudahkan lagi dan meningkatkan kebolehcapaian pelanggan

**KUALA LUMPUR, JULAI 4 2022** - Berita baik bagi penggemar produk Offspring apabila rangkaian produk bayi dan isi rumah organik premium ini kini boleh dihantar ke rumah pelanggan secepat 30 minit dengan harga serendah 99 sen\*. (*Caj dan garis masa penghantaran bergantung pada jarak*).

Ini susulan jalinan usaha sama antara Offspring Inc. Sdn Bhd (“Offspring”), anak syarikat ‘Sustainable Healthcare’ SEDANIA Innovator Berhad (“SEDANIA”), bersama Foodpanda, di mana perkhidmatan barang runcitnya, Pandamart menjadi saluran jualan dalam talian terbaru Offspring.

Dengan menjadi sebahagian daripada pangkalan peniaga Foodpanda yang semakin berkembang, Offspring akan dapat meraih manfaat menerusi lebih 20,000 penunggang e-hailing Foodpanda sedia ada dan capaian pelanggan melebihi 20 juta orang di Malaysia.

Pada masa ini, pelanggan Offspring di sekitar Lembah Klang boleh menikmati pengalaman membeli-belah yang efisyen bagi produk penjagaan kesihatan bayi mesra alam premium menerusi platform mudah alih yang senang digunakan, selain turut mendapat manfaat daripada penghantaran barang yang lebih pantas.

---

"Perkembangan positif ini seiring dengan matlamat kami untuk menawarkan pengalaman terbaik kepada pelanggan, memandangkan saluran jualan ini meningkatkan kemudahan dan kebolehcapaian pelanggan melalui penghantaran hampir serta-merta, yang mana ia boleh diantar secepat tempoh setengah jam selepas pesanan dibuat menerusi Pandamart. Kami sedar bahawa pelanggan sentiasa mengutamakan yang terbaik untuk bayi mereka, justeru, kehadiran lebih luas kami dalam platform dalam talian juga bantu tangani senario di mana pelanggan terlupa menambah bekalan barang penjagaan kesihatan bayi mereka," kata Ketua Pegawai Eksekutif Offspring Mohamed Roslan Ismail.

Tambah beliau, "Usaha sama terbaru ini juga melengkapkan strategi mendahulukan jualan dalam talian Offspring, dengan saluran jualannya yang lain merangkumi Shopee, Lazada dan GrabMart di Asia Tenggara, serta Amazon di Amerika Syarikat, dan Wildberries, pasaran dalam talian terbesar di Rusia. Walaupun salah satu matlamat terbesar kami kekal untuk menembusi pasaran geografi baharu,, kami juga sentiasa menyasarkan peningkatan jumlah jualan dalam pasaran sedia ada, di mana Foodpanda bersedia untuk meningkatkan prospek jualan domestik kami."

Offspring telah menjadi jenama produk bayi organik dan mesra alam premium yang paling pesat berkembang, dengan kini lebih 170 SKU tersedia di 23 negara merangkumi AS, Eropah, Asia Tenggara dan juga Afrika.

Pertumbuhan pantas yang dicapai oleh unit 'Sustainable Healthcare' SEDANIA ini didorong oleh reputasinya sebagai jenama berprestij mewah yang berjaya mengubah tingkah laku pengguna tradisional.

Offspring Inc berjaya apabila ia menumpukan kepada penyelesaian penjagaan awal kanak-kanak, antaranya menghasilkan produk organik bayi berkualiti tinggi. Offspring Inc menawarkan pelbagai produk termasuk lampin bayi mesra alam, tisu basah terbiodegradasi, barang keperluan penjagaan bayi dan produk isi rumah yang menggunakan bahan berasaskan tumbuhan, organik serta tidak bertoksik.

Selain produknya mesra alam dan berasaskan organik yang membantu mengurangkan pelepasan karbon, produk Offspring juga selamat dan "sustainable" seperti yang dibuktikan oleh pelbagai pensijilan dan akreditasinya. Ini termasuk EcoCert, bebas alahan Australia, sijil FSC, serta bebas kekejaman dan tidak bertoksik.

- Tamat -

\*\*\*\*\*

### **Mengenai SEDANIA Innovator Berhad**

SEDANIA Innovator Berhad ialah syarikat pemegangan pelaburan dengan tumpuan dalam perniagaan lestari. Sejak penyenaraianya pada 2015 di Pasaran ACE, Bursa Malaysia, Sedania telah melabur dalam perniagaan inovatif yang membawa kepada pengurangan pelepasan karbon dan menggalakkan kelestarian.

SEDANIA melabur dalam kelestarian tenaga masa depan pelanggan korporatnya dengan membiayai dan menggunakan penyelesaian kecekapan tenaga dan sistem tenaga boleh diperbaharui yang sehingga kini menjimatkan lebih 66 gigawatt-jam dan RM30 juta dalam kos tenaga pelanggan.

Bagi pengguna, SEDANIA menawarkan produk penjagaan kesihatan yang mengurangkan pelepasan karbon melalui pemilihan bahan mesra alam dan bahan terbiodegradasi. Lebih 170 produk dijual di bawah jenama Offspring dalam talian dan melalui kedai runcit terpilih di lebih 23 negara di seluruh dunia.

Kami adalah Innovator. Kami meningkatkan kehidupan secara lestari. Log masuk ke [www.sedaniainnovator.com](http://www.sedaniainnovator.com) untuk mengetahui lebih lanjut tentang inovasi lestari kami..

Untuk pertanyaan lanjut, sila hubungi:

Doreenn Leong

Tel: 03-7880 2001 / +6012 2121 620

E-mel: [doreenn.leong@sedaniainnovator.com](mailto:doreenn.leong@sedaniainnovator.com)